

16 JUN 1997

Majlis-Lantik

NORDIN TETAP DILANTIK SEBAGAI YANG DIPERTUA MPKB

KOTA BAHARU, 16 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata anggota Dewan Undangan Negeri Pas kawasan Kelaboran, Nordin Yaakub akan tetap dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Baharu (MPKB) walaupun majlis pelantikannya yang sepatutnya diadakan semalam ditangguhkan sehingga bulan depan.

"InsyaAllah, Nordin akan tetap dilantik sebagai Yang Dipertua MPKB," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Katanya kelewatan untuk melantik Nordin secara rasmi "adalah perkara biasa sahaja" dan bukannya kerana timbulnya apa-apa masalah.

Awal bulan ini, semasa mengumumkan portfolio empat anggota Exco yang baru dilantik, Nik Aziz turut mengumumkan pemilihan Nordin sebagai Yang Dipertua MPKB yang baru bagi menggantikan Hassan Abdullah, ADUN Pengkalan Pasir yang dilantik sebagai anggota Exco.

Bagaimanapun terdapat spekulasi sesetengah pihak bahawa pelantikan Nordin ditarik semula disebabkan desakan "pihak-pihak tertentu" menyebabkan majlis mengangkat sumpah jawatan itu terpaksa ditangguhkan selepas Nik Aziz kembali daripada cuti pada 11 Julai.

Nordin, bekas anggota Parti Melayu Semangat 46, menyertai Pas pada 19 Julai lepas ekoran perbalahan antara kedua-dua parti itu.

Pelantikan Yang Dipertua MPKB dianggap penting kerana majlis itu kini menghadapi beberapa kontroversi, antaranya isu penghapusan jawatan Timbalan Yang Dipertua yang belum ditangani sepenuhnya.

Mengenai tempoh bercutinya yang bermula petang esok, Nik Aziz berkata beliau akan berada di Eropah dan beberapa buah negara di Asia Barat bagi berehat dan bertemu dengan pelajar-pelajar Malaysia di sana.

Ditanya tentang cakap-cakap kononnya beliau mungkin bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa berada di luar negara memandangkan Dr Mahathir juga kini di luar negara, Nik Aziz berkata perkara itu tidak benar.

Katanya tiada perancangan seumpama itu dibuat kerana tujuan beliau bercuti ialah untuk "berehat penuh".

"Saya tak suka buat sesuatu secara rahsia. Kalau ada masalah saya lebih suka jumpa beliau (Dr Mahathir) di Kuala Lumpur, di pejabatnya sendiri. Ini lebih baik," katanya. -- BERNAMA

RAR NMO